

## TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN BORANG NYATA TAHUN TAKSIRAN 2023 BAGI PEMBAYAR CUKAI YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN

Berikutan pelaksanaan mandatori pengemukaan Borang Nyata (BN) secara e-Filing mulai Tahun Taksiran 2023 (TT 2023), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir pengemukaan **BN TT 2023** bagi pembayar cukai yang **menjalankan perniagaan** adalah seperti berikut:

| Bil.      | Jenis Fail  | Jenis Borang | Kategori Pembayar Cukai   | Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata              | Tambahan Masa Pengemukaan Borang Nyata dan Bayaran Baki Cukai |
|-----------|---|--------------|---|--|---|
| <b>B.</b> | <b>INDIVIDU, PERKONGSIAN, PERTUBUHAN DAN HARTA PUSAKA – Borang Nyata bagi Tahun Taksiran 2023</b> |              |   |  |   |
| 1.        | IG  | e-B          | Individu Pemastautin yang menjalankan perniagaan  | <b>30 Jun 2024</b>                                 | <b>15 Julai 2024<br/>(Tambahan masa 15 hari)</b>              |
| 2.        | D   | e-P          | Perkongsian   |  |   |
| 3.        | IG  | e-BT         | Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan Berkepakaran/Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama) | <b>Menjalankan<br/>Perniagaan:<br/>30 Jun 2024</b> |   |
| 4.        | IG  | e-M          | Individu Bukan Pemastautin  |  |   |
| 5.        | IG  | e-MT         | Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)   |  |   |
| 6.        | F   | e-TF         | Pertubuhan  |  |   |
| 7.        | TP  | e-TP         | Harta Pusaka  |  |   |

Untuk makluman, BN yang dikemukakan melalui e-Filing dalam tempoh tambahan masa selepas tarikh akhir pengemukakan BN tersebut dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan.

Merujuk kepada jadual di atas, tambahan masa yang diberikan juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) bagi BN (kecuali Borang P) yang dikemukakan melalui e-Filing.

Sebagai maklumat tambahan, panduan berkenaan pengemukakan e-Borang pembayar cukai dinasihatkan untuk merujuk kepada Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2024 yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan yang berikut:

i. **Bahasa Malaysia:**

<https://www.hasil.gov.my/media/5u5aympa/program-memfail-borang-nyata-tahun-2024.pdf>

ii. **Bahasa Inggeris:**

<https://www.hasil.gov.my/media/fw2jk2fd/ef-filing-programme-for-the-year-2024.pdf>

iii. **Sepintas e-Buku HASiL 2024**

<https://www.hasil.gov.my/eduzone/risalah-cukai/risalah-cukai-2024/sepintas-e-buku-hasil/>

Pembayar cukai adalah disarankan untuk melapor pendapatan dengan mengemukakan e-Borang dan membuat pembayaran (sekiranya ada) dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti dan kenaikan cukai.

Pembayar cukai juga perlu mengisi maklumat diri dan perbankan yang tepat serta terkini bagi membantu kelancaran proses bayaran balik cukai (sekiranya ada).

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ESCALATE THE PASSION**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 5 Julai 2024**



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia

M A L A Y S I A